

UMS sedia bekerjasama dalam bidang AI

DE 4.12.2014 3
Larry Ralon

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersedia untuk bekerjasama dengan sebarang pihak untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) yang baharu.

Profesor Madya Dr Ismail Saad, ketua Unit Penyelidikan AI universiti (AiRU), di bawah Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Maklumatnya, berkata unit tersebut bekerja dalam sub bidang AI berlainan sejak penubuhannya pada 2006.

Katanya, di bawah unit itu mereka mempunyai enam kumpulan penyelidikan, masing-masingnya bekerja dalam sub bidang tertentu.

Sub bidang adalah Perkomputeran Biomimetik (BiRG), Pemprosesan

Isyarat Kecerdasan (ISP); Penemuan Pengetahuan dan Pembelajaran Mesin (KDML); Kejuruteraan dan Bahan Nano (NEMs); Robotik dan Sistem Cerdas (myRIS); serta Penglihatan dan Bahasa (V&L).

"AiRu adalah satu unit pelbagai bidang yang bekerja dalam sub bidang berlainan Kejuruteraan dan Kecerdasan Buatan ... kami mengalu-alukan sebarang kerjasama R&D dalam bidang AI yang baharu," katanya apabila mewakili Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah serta universiti untuk mengalu-alukan peserta tempatan dan antarabangsa dalam Persidangan Antarabangsa Kecerdasan Buatan serta Aplikasi dalam Kejuruteraan dan Teknologi (ICAIET2014) di Le Meridien di sini,

Rabu.

AiRU ialah penganjur bersama persidangan antarabangsa tiga-hari itu, acara keempat dalam satu siri persidangan antarabangsa yang dianjurkan melalui kerjasamanya dengan Persatuan Simulasi United Kingdom (UK).

ICAIET pertama, kedua dan ketiga yang masing-masing diadakan pada 2002, 2004 dan 2006, dan dilaporkan memberi hasil dan impak amat baik kepada penuntut, penyelidikan, institusi pengajian tinggi serta per-tubuhan kerajaan di Malaysia dan luar negara.

Kali ini, sebanyak enam ucapan dasar dan 37 kertas penyelidikan akan disampaikan oleh pakar dari pelbagai universiti dan institusi perniagaan yang terlibat dalam bidang AI.